

Ruj. Kami : ALLO/KUDR/POP2/25-0100  
Tarikh : 10 Mac 2025

**Tuan Pengurus Besar,**  
Koridor Utiliti Darul Ridzuan,  
B-G-11, Greentown Suria,  
Jalan Dato Seri Ahmad Said,  
Kampung Kastam Greentown,  
30450, Ipoh, Perak Darul Ridzuan  
Tuan / Puan,

**PERMOHONAN KELULUSAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR UNTUK PERKHIDMATAN BAGI PROJEK POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2: HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, KAWASAN PERINDUSTRIAN, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI.**

**(E-SIDE PMU GRIK)**

*PERMOHONAN KELULUSAN DASAR*

---

Merujuk perkara di atas, dimaklumkan bahawa pihak kami bercadang untuk menjalankan kerja-kerja pemasangan utiliti telekomunikasi di dalam kawasan pengawasan pihak tuan. Berikut adalah senarai maklumat cadangan yang diperlukan:

- **Jenis Utiliti** : Fiber (Telekomunikasi)
- **Lokasi Cadangan** : PMU GRIK
- **Jarak Cadangan Laluan** : 2,038m
- **Koordinat Mula & Akhir** : Mula 5.380622°, 101.047327°  
Akhir 5.385858° 101.062921°
- **Jalan-jalan Terlibat** : Jalan Baling – Kuala Kangsar (76)
- **Tempoh Pelaksanaan** : 5 Minggu
- **Nama & No.Tel Pegawai Terlibat** : En. Amer Farique (010 – 427 5927).
- **No.Telefon Pejabat** :03-88005222

2. Bersama-sama ini disertakan dokumen sepertimana di dalam senarai semak permohonan untuk rujukan dan tindakan pihak tuan.

3. Sehubungan dengan itu, demi menjaga kepentingan, kesejahteraan dan keselamatan awam, pihak kami berjanji tidak akan memulakan sebarang kerja tanpa kelulusan permit dari pihak tuan serta pengesahan permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan / Pihak Berkuasa Jalan yang terlibat. Pihak kami juga bersedia untuk bertanggungjawab ke atas segala kerosakan jalan dan harta awam yang disebabkan oleh aktiviti tersebut.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh berhubung dengan Wakil Perunding Perolehan Permit – Allo Technology Sdn Bhd, En. Syakir Arham Azli (010 – 420 7159), atau wakil Jurutera Projek kami, En. Nurulhafiz Abdul Hamid (012 – 520 1272).

Segala pertimbangan dan kerjasama pihak tuan amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.



**Ahmad Lutfi Kamaruddin**

Pengarah Projek (POP 2)

Email : [lutfi@allo.my](mailto:lutfi@allo.my)

Mobile : 019 - 5257962